

25/11/1997

LTDL '98 tak gusar masalah tajaan

Zairee Zahir

WALAUPUN jumlah tajaan yang terkumpul jauh di bawah anggaran kos menganjurkan Le Tour de Langkawi 1998 (LTDL '98), First Cartel (M) Sdn Bhd tetap berazam memberikan mutu penganjuran terbaik untuk mengejar status elit 2.4 Kesatuan Lumba Basikal Antarabangsa (UCI).

Pengerusi Eksekutif First Cartel, Wan Lokman Wan Ibrahim, berkata setakat ini hanya kira-kira RM2 juta sudah diterima daripada penaja manakala baki RM11 juta lagi masih di peringkat rundingan.

Walaupun tarikh pertandingan yang dijadualkan pada 18 Februari semakin suntuk ditambah kejatuhan nilai ringgit, pihaknya tetap yakin lebih banyak syarikat tempatan tampil memberikan sumbangan sebagai penaja sukan bertaraf dunia itu.

"Apapun, perlumbaan akan tetap diteruskan kerana First Cartel mahu memastikan status 2.4 UCI tercapai, sekali gus tergolong sama kelas dengan Tour de France, Giro d'Italia dan Giro DuPont.

"Ia juga untuk membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa aspek pelancongan, ekonomi dan persediaan ke arah Sukan Komanwel 1998 sebenarnya tidak terjejas.

"Itulah sebabnya, kita terus berhasrat menganjurkan pertandingan ini dengan tidak menurunkan jumlah hadiah wang tunai AS\$400,000 (RM1.26 juta) yang ditetapkan supaya LTDL terus menjadi pentas saingan terunggul di rantau ini. Ia membabitkan imej kita sebagai negara penganjur," katanya selepas mesyuarat tertinggi persediaan di Kuala Lumpur, semalam.

Wan Lokman berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku penaung kejohanan itu akan diperkenalkan dengan beberapa penaja yang sudah bersetuju menjadi penaja bersama kejohanan itu dalam satu majlis khas 19 Disember depan.

Mengikut status 2.5, First Cartel ditetapkan untuk mengundang 25 pasukan kebangsaan negara asing serta hanya empat pasukan bertaraf profesional dan separa profesional.

Setakat ini, Indonesia, Sweden, Slovakia, Filipina, Korea Selatan, Afrika Selatan, Kanada, Hong Kong, New Zealand, Australia, Ireland, China dan Denmark menyatakan persetujuan bertulis dan lisan untuk mengambil bahagian.

First Cartel turut menghulurkan undangan kepada pasukan profesional seperti Mapei-GB, Saturn, Switz-Post, MG-Tech, Tegel, Telecom Flavia, Ezak dan Casino.

(END)